

# Era baru Malay

Daripada MARZUKI YUSOFF  
Bandar Seri Begawan

**KEGEMBIRAAN** jelas terpancar pada wajah Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika memaklumkan kepada pemberita bahawa isu persempadanan dan tuntutan bertindih antara Malaysia dengan Brunei Darussalam diselesaikan di meja rundingan.

Tentunya hasil rundingan itu sangat besar maknanya kepada Abdullah. Beliau telah pun berusaha keras - sejak menjadi Menteri Luar - menyelesaikan masalah yang berlarutan sejak 1995 itu. Isu itu berakhir dengan keputusan mengembirakan ketika Abdullah akan menyerahkan pucuk pimpinan negara kepada Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Alhamdulillah, kini semuanya selesai," luah Abdullah pada sidang akhbar di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini. Sidang itu diadakan selepas beliau dan Sultan Hassan Bolkiah menandatangani Pertukaran Surat yang menandakan bahawa perkara-perkara pokok melibatkan isu sempadan sama ada di darat dan maritim telah dipersetujui bersama.

Detik bersejarah itu berlaku tepat pukul 12.04 tengah hari di Istana Nurul Iman. Sebelum berlangsungnya majlis menandatangani Pertukaran Surat itu, para pemimpin termasuk Putera Mahkota Brunei, Al-Muhtadee Billah dan pegawai tinggi kedua-dua negara yang berkumpul di Bilik Kabinet istana itu kelihatan mesra dan kerap kali terdengar ketawa besar dari ruangan itu.

Melihat kepada kemesraan itu, penulis percaya pihak Brunei sendiri berpuas hati dengan keputusan yang telah dicapai iaitu tiada pihak yang menang atau kalah. Perseetujuan dicapai atas dasar situasi menang-menang.


Tolak ansur dan semangat setiakawan antara pemimpin kedua-dua negara seperti kata Abdullah sebenarnya menjadi kunci kepada penyelesaian isu-isu tersebut. Atas semangat itu jugalah di bawah pakej penyelesaian tersebut, Brunei telah menggugurkan tuntutan ke atas Limbang. Daerah di utara Sarawak itu unik kerana memisahkan dua kawasan darat negara itu.

Mengikut sejarah, Limbang menjadi milik Sarawak pada 1890 ketika di bawah pentadbir British, Sir James Brooke yang menjadi "Raja" pertama negeri itu.

Walaupun hanya berfungsi sebagai pekan sempadan yang kecil seperti Bukit Kayu Hitam di utara Semenanjung, Limbang yang berpenduduk lebih 50,000 orang menjadi tumpuan rakyat Brunei kerana kedudukannya yang hampir dengan Bandar Seri Begawan.

Menurut rakan-rakan wartawan tempatan, hari Jumaat, Sabtu dan Ahad adalah hari di mana pekan Limbang menerima ribuan tamu dari negara jiran itu, selain pekan berkenaan menjadi antara laluan terdekat ke Taman Negara Mulu.

Mengikut statistik Tourism Malaysia, walaupun penduduk Brunei hanya kurang 400,000 orang, tetapi ia menduduki tempat keempat terbanyak daripada segi jumlah pe-



lancong yang melawat Malaysia pada 2007 dan 2008.

Pada 2008, sebanyak 1,085,115 rakyat Brunei melawat Malaysia. Untuk tempoh bulan Januari tahun ini sahaja, jumlah penduduk negara itu yang melancong ke negara kita ialah 102,054. Jumlah itu boleh dianggap besar pada ketika dunia menghadapi krisis ekonomi global.

Selain Malaysia dapat menarik nafas lega dengan penguguran secara rasmi hak Brunei ke atas Limbang, pakej penyelesaian itu menamatkan kemelut mengenai isu sempadan maritim terutama melibatkan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) yang telah lama membantutkan usaha kedua-dua negara untuk memajukan kawasan perairan yang menjadi rebutan tersebut.

Difahamkan, inisiatif bagi menyelesaikan isu persempadanan kedua-dua negara itu bermula pada 1994 tapi perundingan secara serius hanya bermula pada 1997.


Pada 2003, Malaysia dan Brunei lebih komited untuk menangani isu-isu persempadanan itu terutama dengan penemuan baru sumber minyak oleh Petronas di kawasan kira-kira 150 kilometer dari perairan Sabah pada 2002. Anggaran minyak yang terkandung di dasar perairan itu begitu besar iaitu lebih 700 juta tong.

Malaysia telah lama menuntut kawasan itu sebagai sebahagian daripada EEZ miliknya, manakala Brunei turut membuat tuntutan yang sama.



# aysia-Brunei

Mengikuti statistik Tourism Malaysia, walaupun penduduk Brunei hanya kurang 400,000 orang, tetapi ia menduduki tempat keempat terbanyak daripada segi jumlah pelancong yang melawat Malaysia pada 2007 dan 2008



Keadaan menjadi menjadi bertambah rumit apabila kedua-dua negara mengupah beberapa buah syarikat cari gali luar bagi mengendalikan blok-blok yang kaya dengan minyak tersebut.

Bagi membetulkan keadaan, Malaysia dan Brunei bersetuju untuk menghentikan kerja-kerja mencari gali di perairan tersebut.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim pada sidang akhbar Ahad lalu berkata, kedua-dua negara terlibat dalam lebih 30 rundingan sejak enam tahun lalu sehingga mencapai kesepakatan menyelesaikan isu-isu berbangkit secara pakej.

"Penyelesaian secara pakej itulah yang berjaya mengakhiri isu-isu sempadan dan tuntutan bertindih antara kedua-dua negara," tegas Rais.

Seperti yang dinyatakan oleh Abdullah, Rais berpendapat bahawa isu besar itu sukar diatasi tanpa adanya sikap tolak ansur kedua-dua negara.

Isu persengketaan sempadan jika tidak dapat ditangani secara bijaksana, kadang-kadang boleh mengheret negara-negara terlibat ke kanchah perang. Atau sekurang-kurangnya ke mahkamah antarabangsa di The Hague seperti kes Batu Putih yang menjadi rebutan antara Malaysia dan Singapura sebelum ini. Tetapi Alhamdulillah Malaysia dan Brunei – dua negara rumpun Melayu – memilih kaedah kesepakatan atas semangat ASEAN.

Sultan Brunei pada 2004 mengingatkan bahawa berasaskan kepada hubungan yang begitu akrab dan mesra kedua-dua negara maka sebarang isu yang dihadapi dapat di-

realisasikan berasaskan semangat dan permuafakatan.

Berdasarkan kepada sikap itulah, pucuk pimpinan kedua-dua buah negara berharap semangat muhibah dalam menyelesaikan isu-isu sedemikian akan dijadikan panduan dalam perbincangan seterusnya supaya kata sepakat dapat dicapai.

Apa yang dikatakan oleh baginda Sultan Brunei pada 2004 itu telah direalisasikan melalui pakej penyelesaian yang ditandatangani Ahad lalu.

Abdullah sendiri amat menghargai peranan yang dimainkan oleh Sultan Hassanal Bolkiah. Penyelesaian kepada isu sempadan darat dan maritim termasuk penentuan zon-zon komersial, akan membolehkan kedua-dua negara mendapat manfaat daripada sumber kekayaan baru yang sebelum ini terhalang.

Selain itu yang lebih penting, Perdana Menteri tidak mahu melihat isu-isu sempadan tersebut menjadi duri dalam daging dan "menghantui" dalam hubungan baik yang telah lama terjalin antara Malaysia dan Brunei.

"Hubungan Malaysia-Brunei kini memasuki era baru yang akan memberi banyak manfaat kepada kedua-dua negara tanpa dihantui lagi oleh sebarang prasangka," kata Perdana Menteri.

Seperti kata orang Melayu lama, 'Kita berbudi kepada mereka yang berbudi'. Tentunya Malaysia dan Brunei akan saling menghargai budi yang masing-masing telah hulurkan.



Utusan Malaysia Rabu - 18 Mac 09.

# Era baru Malaysia-Brunei

Daripada **MARZUKI YUSOFF**  
Bandar Seri Begawan

**KEGEMBIRAAN** jelas terpancar pada wajah Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika memaklumkan kepada pemberita bahawa isu persempadanan dan tuntutan bertindih antara Malaysia dengan Brunei Darussalam diselesaikan di meja rundingan.

Tentunya hasil rundingan itu sangat besar maknanya kepada Abdullah. Beliau telah pun berusaha keras - sejak menjadi Menteri Luar - menyelesaikan masalah yang berlarutan sejak 1995 itu. Isu itu berakhir dengan keputusan mengembirakan ketika Abdullah akan menyerahkan pucuk pimpinan negara kepada Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Alhamdulillah, kini semuanya selesai," luah Abdullah pada sidang akhbar di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini. Sidang itu diadakan selepas beliau dan Sultan Hassanah Bolkiah menandatangani Pertukaran Surat yang menandakan bahawa perkara-perkara pokok melibatkan isu sempadan sama ada di darat dan maritim telah dipersetujui bersama.

Detik bersejarah itu berlaku tepat pukul 12.04 tengah hari di Istana Nurul Iman. Sebelum berlangsungnya majlis menandatangani Pertukaran Surat itu, para pemimpin termasuk Putera Mahkota Brunei, Al-Muhtadee Billah dan pegawai tinggi kedua-dua negara yang berkumpul di Bilik Kabinet istana itu kelihatan mesra dan kerap kali terdengar ketawa besar dari ruangan itu.



Mengikut statistik Tourism Malaysia, walaupun penduduk Brunei hanya kurang 400,000 orang, tetapi ia menduduki tempat keempat terbanyak daripada segi jumlah pelancong yang melawat Malaysia pada 2007 dan 2008

